



## Perikatan Nasional atau Muafakat Nasional?

WALAUPUN tempoh matang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 akan tamat pada tahun 2023, gerakan politik arus perdana belakangan ini memberikan gambaran bahawa PRU ke-15 akan diadakan pada bila-bila masa.

Semuanya bermula sejak Perikatan Nasional (PN) di bawah kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin mengambil alih teraju kepimpinan tanah air pada 1 Mac 2020. Majoriti mudah mendahului Pakatan Harapan (PH) dan blok bebas menyebabkan keadaan tidak menentu dan tidak stabil yang berterusan hingga hari ini. Walaupun begitu, popularti Muhyiddin berada di kemuncak kerana kejayaan negara menangani krisis pandemik COVID-19 yang turut mendapat pengiktirafan pemimpin global. Pertembungan antara kesihatan dengan ekonomi dan upah serta nyawa yang cuba diatasi dengan sebaik-baik mungkin telah memberikan keyakinan untuk pimpinannya mendapat mandat baharu daripada rakyat.

Adakah ini menjadi petunjuk untuk mempercepatkan PRU walaupun mengadakannya sewaktu proses pemulihan COVID-19?

Beberapa buah negara termasuk Singapura telah mengadakan pilihan raya baru-baru ini. Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan

Negeri (DUN) Chini dan DUN Slim serta Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah menjadi nota kaki untuk menghalusi kesiapsiagaan mengadakan PRU ke-15.

Jika dalam PRU ke-14, pertembungannya adalah antara Barisan Nasional (BN), PH dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) serta parti-parti lain, bagaimanakah acuannya untuk PRU ke-15? Selepas kerajaan PN ditubuhkan dan seterusnya memimpin negara sejak 1 Mac 2020, pelbagai usaha dilakukan untuk mendaftarkan PN sebagai satu entiti formal. PN memiliki majoriti mudah dengan BN, iaitu 43 kerusi\* memabritkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti Demokratik India (MIC), Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Persatuan Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dengan 30 kerusi, PAS 18 kerusi dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) 18 kerusi, manakala Gabungan Bersatu Sabah (GBS) dua kerusi serta satu kerusi parti Bebas. Hal ini selaras dengan perkenan Yang di-Pertuan

Agong ketika melantik Muhyiddin sebagai Perdana Menteri kelapan.

PN menjadi entiti yang akan digunakan oleh PPBM untuk melayari PRU ke-15. Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa PN, sukar untuk PPBM melakukan gerak kerja PRU apatah lagi mereka juga berhadapan dengan kumpulan yang menamakan diri mereka sebagai "Bersatu Black Out". Walaupun gabungan besar PN berpengalaman dan melibatkan beberapa gabungan politik kepartian di bawahnya, tetapi keputusan UMNO untuk tidak menyertai PN jelas kerana hal ini merupakan keputusan yang diambil dari awal lagi. Keputusan ini berbeza daripada langkah PAS yang cuba untuk memperkasakan PN dan pada masa yang sama mengukuhkan Muafakat Nasional (MN).

MN menjadi fokus UMNO – merupakan kerjasama politik bersama-sama PAS yang turut membawa kepada termeterainya Piagam Muafakat Nasional pada 14 September 2019 dalam Himpunan Penyatuan Ummah. MN juga merupakan entiti tidak formal lanjutan kepada hubungan UMNO-PAS serta BN dan Gagasan Sejahtera (GS) susulan kekalahan pada PRU ke-14 dan menjadi pembangkang yang konstruktif.

MN telah diuji dalam siri PRK seperti di Semenyih, Cameron Highlands, Rantau, Tanjung Piai, Chini dan Slim. Hal ini menunjukkan bagaimana strategi bersifat holistik rangkaian jentera UMNO dan PAS bekerjasama untuk berhadapan dengan musuh politik. Jika ini berterusan, sudah pasti impaknya besar kepada landskap politik tanah air. Namun begitu, adakah perkembangan terkini dengan PPBM mencongak PN dan keabsahan PAS dalam PN akan memendekkan hayat MN atau satu kolaborasi baharu akan muncul sebagai alternatif kepada MN?

Mengapakah UMNO memilih MN dan bukannya PN? Adakah faktor keanggotaan yang sama menyebabkan keputusan tersebut diambil atau ada faktor lain yang tidak dapat dilihat oleh pengamal politik? Langkah menjemput PPBM menyertai MN dilihat merupakan antara pendekatan yang cuba diterokai UMNO. Hal ini akan membawa kepada pembentukan MN dan PPBM atau PPBM akan diserap ke dalam MN sebagai ahli yang mempunyai bidang kuasa yang sama dengan yang lain.

Apa-apa yang mendasari Piagam MN adalah bagaimana kontrak sosial, iaitu perkara yang berkaitan dengan kedudukan agama Islam, Institusi Raja-raja Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta jaminan kedaulatan bahasa Melayu dipertahankan.

Dilema yang dihadapi oleh UMNO jelas dalam pembentukan PN. UMNO barangkali masih mahu menggunakan logo BN – merupakan antara parti sia-siah yang kukuh dari segi jentera dan struktur parti pada peringkat kebangsaan, negeri dan bahagian serta cawangan. Sekiranya UMNO bersetuju dengan keanggotaan rasmi PN, hal ini akan menjadi sebuah parti yang mempunyai kedudukan yang sama dengan anggota lain walaupun mempunyai kekuatan tersendiri. Kuasa tawar-menawar dan rundingan pula akan berpihak kepada PPBM\* memandangkan Perdana Menteri mengetuai parti ini. Lambang BN yang menang pada siri PRK sudah pasti tidak mahu ditinggalkan begitu sahaja.

Hal ini berbeza jika penguatan MN dilakukan apabila masing-masing boleh menyelaraskan kedudukan di kerusi majoriti pengundi Melayu. Namun begitu, kedudukan Datuk Seri Azmin Ali dan penyokongnya perlu juga dinilai oleh PPBM kerana sumbangan besarnya kepada pembentukan kerajaan pada hari ini. Adakah parti dan calon bukan Melayu lebih mudah mendekati PN daripada MN?

Perjanjian PRU ke-15 penting untuk meraih semula sokongan khususnya yang telah melakukan undi protes walaupun masih setia dengan parti. MN mahupun PN ada isu pengagihan kerusi yang perlu diperincikan, perlu ada "keikhlasan" jika mahu memulihkan defisit kepercayaan akibat sepak terajang dan "politik kayu tiga" sebelum PRU kelak.

Muafakat peringkat akar umbi antara UMNO dengan PAS menunjukkan kedua-duanya melangkaui kepentingan politik walaupun kepimpinan atasan mempunyai percaturan tersendiri. Keselesaan bersama-sama menampakkkan hasilnya. Adakah ini antara pertimbangan UMNO dalam membuat keputusan menolok PN? Jika PPBM juga akhirnya bersetuju bersama-sama MN, apakah bentuk nilai tambah yang mampu diberikan apabila ini asas UMNO dan PAS ketara pada PRU ke-14?

UMNO juga masih belum bersedia untuk ke hadapan dalam soal pemimpin yang keluar daripada parti walaupun kerjasama pada peringkat kerajaan dan pusat kekal tidak berubah antara UMNO dengan parti serpihannya. Adakah ini pertama kali sebuah parti induk sedang bekerjasama dengan parti serpihannya dalam keadaan wujud keperluan politik semata-mata? Adakah hal ini menyebabkan parti induk menolak untuk memasuki PN kerana akan diketuai oleh PPBM? Agihan kerusi antara BN dengan PAS lebih mudah apabila yang mendapat majoriti daripada PRU lepas akan mendapat kelebihan. Bagaimana pula rundingan dengan PPBM yang sebahagiannya masih dianggap "orang luar" UMNO?

Bagi PAS, hal ini agak mudah. Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, sudah menyatakan kesediaan untuk tidak mengganggu kerjasama politik dalam PN dan pada waktu yang sama mempertahankan MN. PAS merupakan penentu sebenar dalam hubungan timbal balik UMNO, PAS dan PPBM. Kedua-

duanya, baik UMNO mahupun PPBM memerlukan PAS. Jika PAS memilih untuk perlahan-lahan mengetepikan ikatan MN dan melakukan pengukuhan terhadap PN, hal ini tidak mengejutkan kerana pengiktirafan dan penghormatan sewajarnya diberikan oleh Kerajaan PN di bawah kepimpinan Muhyiddin. Dalam situasi sedemikian rupa, UMNO perlu mencari formula atau tawaran baharu kerana sudah membuat keputusan tidak mahu bersama-sama PN. Keadaan akan lebih mudah bagi UMNO jika sekiranya PAS kekal bersama-sama MN sehingga PRU akan datang. Keadaan ini bertentangan dengan PPBM yang lebih tertarik untuk menampilkan PN daripada MN. PPBM dilihat mahu membawa PN sebagai tapak politik baharu Malaysia.

Politik mempunyai segala kemungkinan; tidak ada lawan atau kawan yang tetap dalam politik. Lebih unik bagi Malaysia, politik angka menentukan sama ada kerajaan yang sedia ada mampu untuk kembali menerajui kepimpinan tanah air selepas PRU ke-15. Keputusan UMNO juga ada hubungan dengan politik angka ini sebagaimana percaturan yang cuba dilakukan oleh PPBM mahupun PAS. Perpecahan kepada fraksi baharu boleh muncul bersama-sama dengan pertembungan personaliti politik yang melakukan gerakan, strategi dan perancangan masa hadapan PN, MN dan BN. Pihak yang mampu menyusun dengan baik, teratur dan tersusun boleh diangkat sebagai pemenangnya. Namun begitu, PN mahupun MN, perlu belajar daripada kesilapan PH dan personaliti politik yang terlibat supaya dalam kerancangan menyusun strategi, mereka tidak terlepas pandang akan realiti politik tanah air.